

Mahasiswa dekati masyarakat luar negara

BH 2-1-2014 v2

○ Dari muka 1

“Kerjasama dalam melaksanakan aktiviti sukarela secara tidak langsung akan mengeratkan perpaduan dalam kalangan pelajar dan membolehkan kami mendekati pelbagai golongan memerlukan termasuk warga emas, remaja bermasalah, orang kelainan upaya, mangsa bencana dan Orang Asli.

“Kami berhasrat menjalin kerjasama dengan NGO termasuk Islamic Relief Malaysia yang aktif menganjurkan program kesukarelawanan memabitkan pelbagai golongan masyarakat tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Program kukuh perpaduan

Sementara itu, Presiden MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fandyi Sanizan Jurup, berkata penguatkuasaan perpaduan kekal menjadi agenda utama

bagi mengekalkan keharmonian pelajar berbilang bangsa di universiti itu.

Katanya, selain perjuangan meningkatkan kebajikan pelajar, program Delegasi UMS antara kegiatan yang akan diteruskan tahun ini bagi mengeratkan hubungan dengan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Katanya, selain meneruskan tradisi mengunjungi IPT tempatan lain, pihaknya bercadang memperluas program ke peringkat antarabangsa bagi mendapat pendedahan budaya serta menjalin rangkaian dengan mahasiswa luar negara.

Pelajar seimbang

“Selain bangsa Melayu, Cina dan India, UMS juga mempunyai pelajar Bumiputera yang terdiri daripada pelbagai etnik.

“Penganjuran lebih banyak program yang dapat menyatukan pelajar penting bagi meningkatkan persefahaman.

“Kami mahu mahasis-



Affendy

wa UMS bersama-sama berusaha mencapai misi universiti untuk melahirkan graduan holistik dan mampu bersaing hingga ke peringkat antarabangsa,” katanya.

Tiga strategi UTeM

Memfokuskan hal kebajikan dan sahsiah pelajar dengan pendekatan berbeza pula menjadi agenda kepemimpinan MPP Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerusi tiga strategi utama.

Yang Dipertua MPP UTeM, Affendy Mohd Saleh, berkata sesi dialog secara terbuka akan dianjurkan lebih kerap untuk men-



Mustapha Kamil Husen

dengar masalah dihadapi oleh mahasiswa di kampus serta kolej kediaman dan merapatkan jurang antara pelajar dengan pihak pengurusan universiti.

Selain itu, katanya, program yang dapat menyatukan semua pelajar tanpa mengira bangsa akan dianjurkan termasuk aktiviti kepemimpinan, keusahawanan dan sukan.

“Sebagai MPP, kami mahu dilihat sebagai ikon atau contoh terbaik kepada mahasiswa lain serta menjadi pencetus perubahan yang mampu melonjakkan nama universiti dengan menggalakkan mahasiswa UTeM supaya lebih produk-

tif dan inovatif,” katanya.

Terkehadapan

Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mustapha Kamil Husen Abd Kadir, pula berkata badan kepemimpinan pelajar universiti itu bersama dengan Naib Canselor baharu, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, akan memastikan UKM terus berdiri teguh sebagai universiti yang terkehadapan sesuai sebagai universiti kebangsaan yang lahir hasil perjuangan bangsa Malaysia.

“PMUKM akan memastikan gagasan yang dirangka mampu direalisasikan dan dirasai oleh seluruh pelajar UKM.

“Tidak lupa juga, PMUKM akan terus memperjuangkan isu rakyat Malaysia kerana PMUKM sedar tanpa perjuangan rakyat pada akhir 1960-an bagi menubuhkan universiti kebangsaan, UKM pada hari ini tidak akan wujud,” katanya.